

Pembangunan Model Proses Pembinaan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah di Singapura

(The Development of a Process Model for the Development of Malay Language Textbooks for Primary Schools in Singapore)

Salha Mohamed Hussain¹, Dahlia Janan^{2*}

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: salha67@gmail.com

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: dahlia@fbk.upsi.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Dahlia Janan

(dahlia@fbk.upsi.edu.my)

KATA KUNCI:

Model

Proses

Buku teks

Keberkesanan

Panduan

KEYWORDS:

Model

Process

Textbooks

Effectiveness

Guide

CITATION:

Salha Mohamed Hussain, & Dahlia Janan. (2025). Pembangunan Model Proses Pembinaan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah di Singapura. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(3), e003303. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i3.3303>

ABSTRAK

Abstrak ini berfokus pada pembangunan model proses pembinaan buku teks Bahasa Melayu untuk peringkat sekolah rendah, dengan penekanan pada keberkesanan buku teks terhadap pengajaran dan pembelajaran. Tujuan kajian ini adalah untuk mengembangkan model proses pembinaan buku teks serta menilai keberkesanannya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang terdiri daripada tiga fasa: analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, serta penilaian kebolegunaan model. Metodologi kajian ini melibatkan analisis dokumen, senarai semak, soal selidik dan temu bual dengan guru dan pelajar Bahasa Melayu serta pakar yang menilai buku teks dari Singapura. Dapatan kajian menunjukkan bahawa buku teks yang dibangunkan berkesan dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Guru-guru memberikan maklum balas positif terhadap kandungan, bahasa, dan strategi pengajaran yang terdapat dalam buku teks. Respons positif juga diterima daripada peserta kajian, yang menunjukkan kerelevanan dan keberkesanan bahan tersebut dalam proses pembelajaran. Implikasi kajian ini adalah pembangunan model proses pembinaan buku teks yang dapat menjadi panduan sistematik bagi guru dan pembina bahan dalam merancang buku teks yang efektif untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah. Model yang dibangunkan dalam kajian ini diharap dapat menyumbang kepada proses pembinaan bahan pengajaran yang lebih sistematik dan dinamik, khususnya dalam pembinaan buku teks Bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah.

ABSTRACT

This abstract focuses on the development of a model for the process of constructing Malay language textbooks for the primary school level, with an emphasis on the effectiveness of the textbooks in teaching and learning. The objective of this study is to develop a model for the process of constructing textbooks and to evaluate its effectiveness within the context of teaching and learning Malay at the primary school level. This study design employs a Design and Development Research (DDR) approach, which consists of three phases: needs analysis, design and development, and model usability evaluation. The methodology of this study involves document analysis, checklists, questionnaires and interviews with Malay language teachers and students, and a group of experts who evaluated textbooks from Singapore. The findings of the study indicate that the developed textbooks are effective in enhancing the teaching and learning of Malay at the primary school level. Teachers provided positive feedback regarding the content, language, and teaching strategies included in the textbooks. Positive responses were also received from respondents, demonstrating the relevance and effectiveness of the materials in the learning process. The implications of this study are that the development of the textbook construction process model can serve as a systematic guide for teachers and materials developers in designing effective textbooks for teaching and learning Malay at the primary school level. The model developed in this study is expected to contribute to a more systematic and dynamic process of developing teaching materials, particularly in the construction of Malay language textbooks at the primary school level.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama dalam kajian ini ialah mendapati bahawa terdapat keperluan yang jelas untuk membangunkan sebuah model proses pembinaan buku teks yang lebih sistematik dan dinamik, bagi menghasilkan buku teks yang lebih berkualiti dan seterusnya meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

1. Pengenalan

Buku teks memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana buku teks merupakan agen utama dalam menyampaikan pengetahuan kepada pelajar (Mahmoud, 2013). Buku teks ialah komponen yang kritikal dalam reka bentuk pembelajaran yang digunakan untuk memudah cara pembelajaran (Knight & Wang, 2015). Buku teks memberikan kesan ke atas pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai cara (Behnke, 2018). Maka, tumpuan harus diberikan dalam penilaian buku teks untuk mempertimbangkan peranan buku teks yang berubah dalam proses pendidikan untuk memenuhi keperluan para pelajar yang wujud dalam pelbagai konteks budaya, keadaan ekonomi, dan pendidikan (Safonov, Bazhenkov, & Zaiets, 2023). Guru dapat mengintegrasikan pengajaran menggunakan buku teks mengikut tahap-tahap berbeza dalam proses pengajaran (Mithans & Grmek, 2020). Selain itu, buku teks yang bermutu perlu mengambil kira perkara yang penting yang merangkumi aspek strategi pengajaran, perbezaan individu, input, sosial, dan motivasi (Dahlia Janan et al., 2024).

Model dalam pembangunan buku teks ialah satu kerangka berstruktur yang merangkumi langkah-langkah serta metodologi sistematik bagi mencipta, merancang, dan menilai buku teks dalam pendidikan. Model ini berperanan dalam memperkemas proses pembangunan, menjadikannya lebih efisien dan berfokus. Pendekatan yang teratur ini membolehkan setiap fasa perancangan dan pelaksanaan dijalankan dengan lebih sistematik dan berkesan (Reigeluth & Carr-Chellman, 2009). Kepentingan kerangka terstruktur dalam reka bentuk pengajaran turut ditekankan oleh Khalil dan Al-Shammari (2021), yang menegaskan bahawa kerangka tersebut dapat meningkatkan kecekapan serta keberkesanan buku teks.

1.1. Permasalahan Kajian

Buku teks ialah alat pengajaran yang penting dalam pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Namun, perkara yang akan memberikan kesan dalam penggunaan buku teks itu sendiri adalah apabila buku teks itu digunakan sepenuhnya oleh kedua-dua guru dan pelajar (Fullan, 2000). Buku teks berupaya untuk membantu guru mencapai matlamat pendidikan dengan adanya kandungan yang sesuai dan relevan yang dapat melancarkan pengajaran (Mithans & Grmek, 2020).

Buku teks akan menjadi lebih berkesan dan bermutu jika dibina berdasarkan satu model komprehensif, yang menerangkan dengan jelas dan berstruktur proses dalam pembinaan buku teks (Tomlinson & Masuhara, 2010). Model tersebut harus selaras dengan standard kurikulum bagi memastikan hasil pendidikan yang berkesan (Cheng & Zhang, 2022).

Kajian-kajian yang dijalankan oleh para pengkaji terdahulu lebih menumpukan perhatian pada aspek keberkesanan buku teks itu sendiri. Malah, kajian yang menyentuh atau membincangkan proses atau langkah-langkah pembinaan bahan atau buku teks yang berstruktur tidak banyak dilakukan. Oleh yang demikian, pengkaji melihat adanya keperluan untuk membangunkan model proses pembinaan buku teks yang dapat dijadikan sebagai panduan yang berstruktur dan sistematik.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi keperluan pengkaji untuk mendapatkan data kualitatif dan kuantitatif bagi menghasilkan model proses pembinaan buku teks. Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif khusus yang berikut:

- i. Mengetahui keperluan membangunkan model proses pembinaan buku teks;
- ii. Mengetahui reka bentuk model proses pembinaan buku teks; dan
- iii. Menganalisis tahap kebolegunaan model proses pembinaan buku teks.

Berdasarkan objektif kajian, penyelidikan ini bertujuan mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan yang berikut:

- i. Apakah keperluan model proses pembinaan buku teks?
- ii. Apakah reka bentuk model proses pembinaan buku teks?
- iii. Apakah kebolegunaan model proses pembinaan buku teks?

2. Sorotan Literatur

Pembinaan buku teks merupakan salah satu aspek yang sangat penting untuk meningkatkan pembelajaran dan membantu dalam pencapaian matlamat dan objektif

akademik (Kapur, 2019). Pembina buku teks harus berpandukan prinsip-prinsip utama pembinaan untuk memastikan penghasilan buku teks yang bermutu,. Prinsip sebegini dapat membantu para pembina buku teks yang tidak atau masih kurang berpengalaman, untuk menghasilkan buku teks yang berfokus kepada pelajar dan keperluan pembelajaran mereka (Tomlinson, 2012).

Dalam hal pembinaan buku teks, adalah penting untuk melakukan pendekatan yang sistematik dalam reka bentuk pengajaran, iaitu pendekatan yang tersusun dan iteratif (Dick, Carey, & Carey, 2015). Beberapa prinsip perlu dipertimbangkan untuk membimbing pembinaan buku teks berkualiti tinggi yang efektif bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran. Hal-hal ini dapat dijadikan panduan umum dalam melakarkan proses pembinaan buku teks. Dengan pembangunan model yang menunjukkan proses pembinaan buku teks yang tersusun dan sistematik, para guru dan pembina buku teks akan lebih terpandu untuk menghasilkan buku teks yang bermutu dan berkesan. Model yang terperinci membantu untuk memperhalus proses pembinaan buku teks, menjadikannya lebih berkesan dan terfokus. Pendekatan yang sistematik ini membolehkan perancangan dan pelaksanaan setiap fasa dilaksanakan dengan lebih baik (Reigeluth & Carr-Chellman, 2009).

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed methods*) yang menggabungkan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian. Tujuan utama kaedah ini adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam dengan menggabungkan kekuatan kedua-dua pendekatan tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji mereka bentuk model pembangunan buku teks subjek Bahasa Melayu bagi sekolah-sekolah rendah di Singapura. Oleh sebab kajian ini berfokus pada pembinaan buku teks di Singapura, maka kajian ini dijalankan di Singapura dan melibatkan sekolah-sekolah rendah. Para peserta kajian dan responden merupakan para guru dan pelajar sekolah rendah yang menggunakan buku teks Bahasa Melayu di Singapura, serta sekumpulan pakar yang terlibat dalam penelitian buku teks di Singapura. Kajian ini juga mengkaji kebolegunaan model tersebut berdasarkan ADDIE, model desain atau reka bentuk pembelajaran yang mengikut prosedur atau fasa yang saling bergantung untuk menghasilkan satu proses yang sistematik yang mempunyai langkah-langkah tersusun untuk menghuraikan masalah pembelajaran yang berkaitan dengan pembinaan buku teks yang selaras dengan keperluan (Lestari, 2023) serta profil pelajar (Widyastuti & Susiana, 2019). Model ADDIE mengandungi tiga fasa, iaitu: Fasa 1 - *Analysis* (analisis), Fasa 2 - *Design & Develop* (reka bentuk dan pembangunan) dan Fasa 3 - *Implement & Evaluation* (pelaksanaan dan penilaian).

Peringkat analisis keperluan atau Fasa Satu perlu dijalankan untuk mendapatkan maklum balas tentang buku teks yang sedia ada. Ini dapat membantu pembina kurikulum dalam menentukan hala tuju kurikulum dan buku teks yang akan dibina dalam semakan kurikulum akan datang, dan untuk melakukan pembaikan terhadap kelemahan yang ada. Keperluan peringkat ini adalah untuk menjawab soalan kajian yang berikut:

- a) Soalan 1: Apakah keperluan model proses pembinaan buku teks?

Dalam Fasa Dua, analisis dokumen dan analisis transkripsi temu bual dengan pakar dilakukan untuk melihat keperluan model dan elemen-elemen yang patut disertakan

dalam model tersebut. Fasa ini juga penting untuk menjelaskan soalan kajian di bawah ini:

b) Soalan 2: Apakah reka bentuk model proses pembinaan buku teks?

Kesesuaian kandungan model pembinaan buku teks yang dibangunkan akan dinilai oleh pakar yang akan memberikan maklum balas mereka tentang keberkesanan model itu dalam temu bual yang dijalankan. Fasa ini juga bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang berikut:

c) Soalan 3: Apakah kebolegunaan model proses pembinaan buku teks?

Dalam fasa penilaian ini, pengkaji perlu menganalisis data kualitatif dan kuantitatif untuk menilai kebolegunaan model. Bagi menganalisis data kuantitatif, tinjauan ke atas guru dan pelajar tentang kebolegunaan model dan keberkesanan model dalam membina buku teks yang bermutu serta relevan, pengkaji menggunakan senarai semak guru dan pelajar.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh UPSI ketika membuat pemilihan peserta mahupun responden kajian. Pengkaji juga mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian mengikut arahan dan ketetapan yang ditentukan. Para peserta kajian telah terlebih dahulu dimaklumkan tentang kajian yang dilakukan sebelum mereka memberikan kebenaran untuk menyertai kajian ini. Aspek autonomi, keselamatan dan kerahsiaan peserta telah diambil kira dan dititikberatkan dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan beberapa instrumen bagi mendapatkan data yang diperlukan.

3.1. Fasa Analisis Keperluan: Protokol Temu Bual

Temu bual telah dijalankan dengan 20 guru dan 30 pelajar. Peserta kajian ini telah menggunakan buku teks yang dihasilkan sebelum ini. Teknik persampelan kemudahan (*convenience sampling*) dijalankan bagi pemilihan guru dan pelajar dalam temu bual ini. Temu bual melalui perbincangan kumpulan berfokus (FGD) telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan guru dan pelajar mengenai buku teks yang telah dihasilkan sebelum itu. Temu bual juga telah dijalankan bersama para pakar untuk mendapatkan pandangan mereka tentang keperluan dan kepentingan model dalam proses pembinaan buku teks. Pengkaji menggunakan teknik persampelan pakar (*expert sampling*) yang melibatkan 11 orang pakar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pendidikan bahasa Melayu dan kurikulum di Singapura.

3.2. Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan: Senarai Semak Elemen

Pengkaji meneliti artikel-artikel yang disediakan oleh beberapa pengkaji terdahulu seperti Villamin (1988), Richards (1995), Tomlinson (2013) serta Jolly dan Bolitho (2011) yang menerangkan proses membina buku teks dan bahan pengajaran mengikut prinsip masing-masing. Senarai elemen yang perlu dalam proses pembinaan buku teks dihasilkan dan maklum balas pakar mengenai senarai tersebut diperoleh.

3.3. Fasa Penilaian: Borang Tinjauan dan Temu Bual dengan Pakar

Dalam fasa penilaian, pengkaji menjalankan soal selidik bersemuka dengan 67 pelajar yang telah menggunakan buku teks yang dibina berdasarkan model yang dibangunkan oleh pengkaji selama dua tahun. Tinjauan menerusi soal selidik juga telah dijalankan ke atas 31 guru Bahasa Melayu yang telah mengajar menggunakan buku teks yang sama. Selain itu, pengkaji menjalankan temu bual dengan pakar untuk mendapatkan respons mereka mengenai model yang dihasilkan. Untuk Fasa Satu, pengkaji menggunakan kaedah tematik untuk menganalisis data kuantitatif yang diperoleh daripada FGD dan soal selidik guru. Untuk Fasa Dua pula, pengkaji menggunakan kaedah tematik bagi mengenal pasti elemen-elemen yang diperlukan dalam proses pembangunan model ini serta perbincangan dengan para pakar bagi mendapatkan kesahan mereka. Dalam Fasa 3, data kuantitatif didapatkan melalui borang soal selidik guru dan pelajar yang dianalisis melalui kaedah frekuensi, peratus dan min, manakala penganalisan data temu bual dengan pakar yang dilakukan melalui temu bual yang dijalankan secara individu dengan setiap pakar tersebut dilakukan menggunakan kaedah analisis tematik.

4. Hasil Kajian

4.1. Dapatan Fasa 1: Analisis Keperluan

Guru dan pelajar menyatakan bahawa aspek buku teks yang boleh diperbaiki adalah seperti reka bentuk dan reka letak buku, aspek sastera yang boleh diletakkan, aspek tatabahasa yang boleh diperdalam dan membantu pemahaman pelajar, tema dan topik yang lebih dekat dengan pelajar, dan kosa kata yang dapat membantu pemahaman pelajar. Para pakar bersetuju tentang keperluan model sebagai panduan berguna untuk pembina buku teks, untuk menjamin mutu buku teks, untuk memastikan ketekalan prinsip dalam pembinaan buku teks, dan untuk memastikan kesinambungan proses pembinaan buku teks.

4.2. Perbincangan Dapatan Fasa I: Fasa Analisis Keperluan

Kedua-dua guru dan pelajar menggariskan beberapa kekurangan yang terdapat pada buku teks tersebut. Antaranya ialah: (1) reka letak dan reka bentuk yang tidak menarik. [Behnke \(2018\)](#) menekankan bahawa stail sumber dapat mempengaruhi keberkesanan reka letak dan reka bentuk sesebuah buku teks, selain hasil pembelajaran yang ingin dicapai dan profil pelajar. Buku Teks yang telah direka bentuk dengan baik mempunyai potensi untuk menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, dapat kekal lama, dan bermakna serta akan melibatkan pelajar dan kognitif pelajar ([Morgan, 2014](#)).

Guru dan pelajar berasa bahawa (2) teks sastera yang kurang didedahkan kepada pelajar. Pada peringkat sekolah rendah, penerapan unsur sastera dalam pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung diharapkan dapat merealisasikan potensi pelajar sepenuhnya serta mengembangkan minat pelajar terhadap sesuatu isi kandungan mata pelajaran yang dipelajari ([Kartini & Ali, 2021](#)).

Seterusnya, guru dan pelajar mendapati bahawa (3) aspek tatabahasa di dalam buku teks agak sukar bagi pelajar. Aspek tatabahasa penting dalam pemerolehan bahasa untuk pelajar menguasai bahasa dengan mudah ([Ja'apar, 2017](#)). Malah, aspek tatabahasa ini harus dijalankan secara berkonteks dan menyeronokkan untuk memudahkan pemahaman pelajar ([Yusof, Shaari & Ayob, 2020](#)). Keseronokan yang diraih daripada

pembelajaran itu akan menjadikan pelajar lebih faham akan konsep tatabahasa yang dipelajari.

Satu lagi aspek yang menjadi keprihatinan guru dan pelajar ialah (4) tema dan topik yang didapati tidak dekat dengan pelajar. Hal ini penting kerana buku teks perlu mempunyai kandungan, termasuk topik, yang sesuai, berkaitan dengan diri dan pengalaman pelajar, serta dapat difahami (Read, 2015).

Aspek (5) kosa kata yang sukar di dalam buku teks juga ditimbulkan oleh guru dan pelajar. Kosa kata yang diajarkan kepada pelajar perlu mengambil kira konteks pelajar dan ditumpukan kepada kosa kata asas untuk membantu mereka beralih ke peringkat pembelajaran yang seterusnya (Nakayama, 2022).

Para peserta kajian menyatakan bahawa model itu (1) menjadi panduan berguna untuk guru dan pembina buku teks. Proses atau model dalam pembinaan buku teks harus dilakukan secara ideal melalui langkah-langkah yang berstruktur dan berprinsip agar pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan (Tomlinson, 2011).

Pakar juga menekankan bahawa model yang menunjukkan proses pembinaan buku teks dapat (2) menjamin mutu bahan. Sebuah model yang memaparkan proses-proses yang berprinsip, fleksibel dan koheren dalam pembinaan buku teks perlu untuk memastikan buku teks yang bermutu dan berkesan, dan dapat dimanfaatkan oleh para penggunanya (Tomlinson, 2013).

Model bagi proses pembinaan buku teks ini juga dapat (3) memastikan ketekalan prinsip pembinaan buku teks. Pembinaan buku teks perlu mengikuti prinsip-prinsip yang tekal dan kukuh yang merangkumi aspek kesan atau impak buku teks terhadap penggunanya. Hal ini dapat memastikan pembinaan buku teks yang bermutu tinggi (Tomlinson, 2011).

Seterusnya, pakar menyatakan bahawa model itu perlu untuk (4) memastikan kesinambungan proses. Dengan adanya model yang menunjukkan laluan prosedur tersebut secara teratur, maka sistem itu dapat terus digunakan dan diikuti sampai bila-bila. Ini penting kerana pembina bahan mungkin akan berubah-ubah tetapi proses melalui model yang sama dapat diteruskan oleh pembina buku teks yang lain.


4.3. Dapatan Fasa 2: Reka Bentuk & Pembangunan

Jika ditinjau elemen-elemen yang terdapat dalam proses pembinaan bahan dan buku teks yang dibangunkan oleh para pengkaji terdahulu, terdapat elemen-elemen yang wajar disenaraikan sebagai elemen yang diperlukan dalam sesuatu proses itu. Setiap elemen ini menerima maklum balas daripada para pakar tentang kepentingannya dalam proses pembinaan buku teks. Elemen-elemen tersebut ialah: Keperluan Pengguna, Konsep Bahan, Penulisan Bahan, Konsultasi, Pengujian, Penerbitan, Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian. Seterusnya, berdasarkan elemen-elemen ini, pengkaji telah membangunkan model proses pembinaan buku teks bahasa Melayu bagi peringkat sekolah rendah dengan mengambil kira aspek maklum balas serta penghalusan yang harus berlaku pada setiap peringkat.

Model yang dibangunkan oleh pengkaji, seperti yang dilihat dalam [Rajah 1](#), merangkumi aspek pembinaan buku teks bermula dengan mengenal pasti keperluan pengguna untuk mendapatkan maklum balas guru dan pelajar tentang perkara-perkara yang harus

dipertimbangkan dalam buku teks yang akan dibina sehingga pelaksanaannya di sekolah-sekolah. Model ini juga memasukkan elemen pemantauan dan penilaian bagi memastikan kebolegunaan buku teks dan untuk melakukan pengubahsuaian di dalam buku teks yang akan dibina dalam kitaran kurikulum yang akan datang.

Rajah 1: Model Proses Dinamik Pembinaan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah



Model ini terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu bahagian yang menunjukkan langkah-langkah bagi fasa prapenulisan- dan pascapenulisan, dan bahagian yang berfokus pada langkah-langkah dalam fasa penulisan buku teks itu sendiri. Bahagian prapenulisan dan pascapenulisan merupakan fasa yang perlu dimasukkan ke dalam model ini agar keseluruhan proses kelihatan lengkap untuk menunjukkan satu kitaran yang penuh.

Model Proses Dinamik Pembinaan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang dibangunkan oleh pengkaji ini ialah satu model yang dinamik dan bersifat fleksibel. Model ini menyarankan langkah-langkah yang berurutan. Namun, kedinamikan model ini membolehkan langkah-langkah atau proses ini diubah suai mengikut keperluan dalam pembinaan buku teks.

4.4. Perbincangan Dapatan Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan

Pengkaji telah menyenaraikan elemen-elemen yang diperlukan dalam model proses pembinaan buku teks; iaitu: (1) Penganalpastian Keperluan Pengguna, (2) Pengkonsepan, (3) Penulisan, (4) Konsultasi, (5) Pengujian, (6) Penerbitan, (7) Pelaksanaan, dan (8) Pemantauan dan Penilaian. Pembangunan model proses pembinaan buku teks itu juga disandarkan kepada model yang direka oleh [Jolly dan Bolitho \(2011\)](#), yang merupakan satu proses yang dinamik serta mementingkan aspek maklum balas yang berterusan. Pembangunan model proses pembinaan buku teks itu juga harus merupakan satu proses yang dinamik serta mementingkan aspek maklum balas yang berterusan.

Analisis keperluan akan menjadi dasar bagi pembangunan kurikulum yang memenuhi keperluan golongan pelajar yang tertentu. Sekiranya keperluan pengguna ini tidak dikenal pasti, maka adalah sukar untuk membina bahan yang benar-benar dapat memberikan kesan baik terhadap pelajar atau pelajar yang disasarkan ([Hariyadi & Yanti, 2019](#)).

Pengkonsepan dalam proses pembinaan buku teks merupakan elemen yang dianggap penting oleh pakar melalui temu bual yang dijalankan. Dalam peringkat ini, penulis atau pembina buku teks harus membuat pemetaan dan gambaran keseluruhan terlebih dahulu untuk merangka perkara yang harus disertakan di dalam buku teks sebelum mula menulis kandungan buku teks itu. Sesi kritik dijalankan selama beberapa pusingan untuk memperbaiki buku teks sehinggalah buku teks itu sedia untuk dibentangkan kepada kumpulan pakar dalam sesi konsultasi.

Sesi konsultasi perlu untuk melibatkan pihak berkepentingan kerana setiap daripada mereka dapat mempengaruhi proses pembinaan buku teks. Perspektif pihak berkepentingan yang berbeza-beza ini dapat membantu pembina bahan untuk merenung kembali dan melihat semula buku teks dari sudut yang mungkin tidak pernah difikirkan sebelum ini (Tomlinson, 2013; Tickoo, 1995).

Uji cuba merupakan satu elemen dalam proses pembinaan buku teks yang tidak harus diperlekeh. Uji cuba dapat memberikan informasi yang berguna untuk pembina bahan melihat semula buku teks dan menulisnya semula berdasarkan maklum balas yang diterima (Ellis, 2011).

Seterusnya, elemen penerbitan disertakan dalam senarai ini.. Pandangan pihak penerbit terhadap beberapa perkara berkaitan hal penerbitan perlu diambil berat. Pihak penerbit perlu melakukan penilaian mereka sendiri berdasarkan manuskrip yang diberikan oleh pembina buku teks kerana mereka juga mahu memastikan bahawa buku teks yang diterbitkan itu bermutu dan berkesan, serta sesuai untuk pengguna (Amrani, 2011).

Perancangan perlu dilakukan untuk melengkapkan sekolah-sekolah dengan buku-buku dan bahan pengajaran yang lengkap. Sesi latihan pembangunan guru juga harus dilakukan untuk menyediakan guru sebaik mungkin agar mereka dapat menggunakan buku teks dengan berkesan dalam pengajaran. Selepas pelaksanaan, satu elemen atau peringkat yang penting dalam proses ini ialah pemantauan dan penilaian. Bagi menilai keberkesanan buku teks yang dilaksanakan di sekolah-sekolah, satu bentuk penilaian yang sistematik perlu dilakukan. Penilaian atau evaluasi terhadap buku teks haruslah dilakukan dengan memerhatikan cara pengguna, iaitu pelajar, menggunakan buku teks tersebut dan mencari tahu perkara yang diinginkan oleh mereka ketika mereka menggunakan buku teks tersebut (Ellis, 2011).

Maklum balas yang berterusan menjadikan proses itu lebih dinamik dan penswakawalan (*self-regulating*). Malah, buku teks yang bermutu harus melalui semakan berkali-kali dan mengambil kira maklum balas yang diterima pada setiap peringkat pembinaannya (Tickoo, 1995).

Seterusnya, pengkaji mengumpulkan pendapat pakar melalui senarai semak. Para konsultan diminta untuk menyenaraikan elemen-elemen yang dianggap penting dalam proses pembinaan buku teks. Dengan senarai semak ini, serta analisis dokumen yang dilakukan terhadap proses-proses pembinaan buku teks yang dibangunkan oleh pengkaji-pengkaji lalu, model proses pembinaan buku teks dibangunkan.

4.5. Dapatan Fasa 3: Penilaian

Dapatan di [Jadual 1](#) menunjukkan bahawa aspek kandungan dan aspek fizikal buku teks yang dibina diterima baik oleh para guru. Terdapat juga keberkaitan tugas aktiviti yang

tinggi dan sangat baik. Di samping itu, tarikan ilustrasi buku teks yang dibina adalah sangat tinggi dan dianggap menarik. Penggunaan bahasa di dalam buku teks juga didapati bersesuaian dan relevan dari segi konteks dan peringkat pelajar yang menggunakannya. Hal ini tidak boleh dipandang ringan kerana bahasa yang sesuai akan memastikan keberkesanan buku itu apabila kandungannya dapat difahami dan digunakan dengan mudah oleh pelajar-pelajar.

Jadual 1: Soal Selidik Maklum Balas Guru tentang Buku Teks

Buku Teks	Frekuensi dan Peratus (%)				Min	Interpretasi
	STS	TS	S	SS		
Kandungan					3.02	Tinggi
1	Isi mengambil kira pengalaman/pemahaman pelajar.	0 0.00%	1 3.23%	27 87.10%	3 9.68%	3.06 Tinggi
2	Isi sesuai dengan keperluan pelajar masa kini.	0 0.00%	1 3.23%	28 90.32%	1 3.23%	2.90 Sederhana
3	Isi sesuai dalam konteks masyarakat berbilang kaum.	0 0.00%	0 0%	29 93.55%	2 6%	3.06 Tinggi
4	Nilai tradisi dan budaya mencukupi.	0 0.00%	1 3.20%	30 97%	0 0%	2.97 Sederhana
5	Kepanjangan teks sesuai dengan peringkat pelajar.	0 0.00%	0 0%	29 93.55%	2 6%	3.06 Tinggi
6	Genre teks pelbagai.	0 0.00%	1 3.20%	28 90.32%	2 6%	3.03 Tinggi
	Tugasan Aktiviti				3.00	Tinggi
7	Aktiviti yang disediakan mencukupi.	0 0.00%	3 9.68%	27 87.10%	1 3.23%	2.94 Sederhana
8	Aktiviti yang disediakan pelbagai dan mencabar.	0 0.00%	2 6%	28 90.32%	1 3.23%	2.97 Sederhana
9	Aktiviti yang disediakan sesuai mengikut peringkat.	0 0.00%	1 3.23%	29 93.55%	1 3.23%	3.00 Tinggi
10	Aktiviti menepati objektif pelajaran.	0 0.00%	2 6%	28 90.32%	1 3.23%	2.97 Sederhana
11	Aktiviti menyediakan peluang yang mencukupi untuk pelajar berinteraksi.	0 0.00%	0 0%	29 93.55%	2 6%	3.06 Tinggi
12	Soalan yang disediakan memberi peluang	0	1	28	2	3.03 Tinggi

	kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran berfikir.	0.00%	3.23%	90.32%	6%		
13	Aktiviti yang disediakan boleh dijalankan di dalam kelas.	0	1	27	3	3.06	Tinggi
		0.00%	3.23%	87.10%	9.68%		
Ilustrasi						3.32	Tinggi
14	Font yang digunakan sesuai.	0	0	21	10	3.32	Tinggi
		0.00%	0%	68%	32%		
15	Ilustrasi membantu pembelajaran.	0	1	18	12	3.35	Tinggi
		0.00%	3.23%	58%	39%		
16	Ilustrasi merangsang minat pelajar.	0	2	18	11	3.29	Tinggi
		0.00%	6%	58%	35%		
Bahasa						3.22	Tinggi
17	Bahasa yang digunakan sesuai dengan peringkat pelajar.	0	0	26	5	3.16	Tinggi
		0.00%	0%	83.87%	16.13%		
18	Kosa kata dan ungkapan sesuai mengikut peringkat.	0	0	26	5	3.16	Tinggi
		0.00%	0%	83.87%	16.13%		
19	Item tatabahasa disampaikan berdasarkan konteks.	0	0	27	4	3.13	Tinggi
		0.00%	0%	87.10%	12.90%		
20	Bahasa yang digunakan relevan dengan konteks budaya masyarakat kita.	0	0	27	4	3.13	Tinggi
		0.00%	0%	87.10%	12.90%		

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju; Interpretasi Tahap = Tinggi (3.00 - 4.00), Sederhana (2.00 - 2.99) dan Rendah (1.00 - 1.99).

Tinjauan pengguna melalui soal selidik yang dilakukan ke atas sekumpulan pelajar Darjah 2 yang telah menggunakan buku teks selama dua tahun menunjukkan bahawa buku teks itu masih tinggi dari segi kebolehgunaannya dan membantu pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu (lihat [Jadual 2](#)). Bagi pelajar, aspek visual dan warna yang digunakan di dalam buku teks memainkan peranan penting dalam pembelajaran mereka. Seterusnya, aspek kemudahan penggunaan buku teks bagi para pelajar ini juga berada pada tahap tinggi. Buku teks itu bukan sahaja menepati cita rasa dan keperluan pelajar, malah ia melancarkan pembelajaran mereka.

Jadual 2: Soal Selidik Maklum Balas Pelajar tentang Buku Teks

Buku Teks	Frekuensi dan Peratus (%)			Min	Interpretasi	
	KS	S	SSS			
Kebolehgunaan				2.50	Tinggi	
1	Saya boleh memahami perkataan-perkataan yang digunakan dalam buku teks.	14 20.90%	16 23.88%	37 55.22%	2.34	Tinggi
2	Saya faham pengajaran guru saya dengan menggunakan buku teks	7 10.45%	15 22.39%	45 67.16%	2.57	Tinggi
3	Buku teks membantu saya belajar Bahasa Melayu.	8 11.94%	11 16.42%	48 71.64%	2.60	Tinggi
Buku Teks	Frekuensi dan Peratus (%)			Min	Interpretasi	
	KS	S	SSS			
Kepuasan				2.65	Tinggi	
4	Saya suka buku teks.	4 5.97%	15 22.39%	48 71.64%	2.66	Tinggi
5	Buku teks menarik.	5 7.46%	11 16.42%	51 76.12%	2.69	Tinggi
6	Gambar-gambar dalam buku teks menarik.	6 7.46%	14 16.42%	47 76.12%	2.61	Tinggi
7	Saya suka warna-warna yang digunakan dalam buku teks.	6 8.96%	7 10.45%	54 80.60%	2.72	Tinggi
8	Saya suka topik-topik dalam buku teks.	6 8.96%	13 19.40%	48 71.64%	2.63	Tinggi
9	Saya suka watak-watak dalam buku teks.	8 11.94%	11 16.42%	48 71.64%	2.60	Tinggi
Kemudahan Penggunaan				2.54	Tinggi	
10	Font yang digunakan dalam buku teks sesuai.	9 13.43%	10 14.93%	48 71.64%	2.58	Tinggi
11	Saya boleh membuat latihan dalam buku aktiviti	4 5.97%	28 41.79%	35 52.24%	2.46	Tinggi
12	Buku teks mengajar saya membaca.	10 14.93%	9 13.43%	48 71.64%	2.57	Tinggi

Nota: KS = Kurang Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju;
Interpretasi Tahap = Tinggi (2.34 - 3.00), Sederhana (1.67 - 2.33) dan Rendah (1.00 - 1.67).

Dalam temu bual dengan pakar pula, pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga tema utama yang disentuh oleh para peserta kajian:

- i. kerelevanan kandungan buku teks dengan keperluan dan pengalaman pelajar;
- ii. keupayaan buku teks itu membina asas bagi pelajar; dan
- iii. keupayaan buku teks itu untuk merangsang minat pelajar.

Bagi menilai kebolegunaan model proses pembinaan buku teks ini, beberapa dapatan telah diperoleh daripada temu bual yang dijalankan ke atas pakar. Melalui perisian *Microsoft Delve*, pengkaji telah menemui beberapa tema utama yang menyokong pandangan pakar mengenai kebolegunaan model tersebut. Tema-tema tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Proses yang menyeluruh dan berstruktur;
- ii. Proses yang mudah;
- iii. Mempunyai maklum balas berterusan daripada pelbagai pihak; dan
- iv. Memastikan penghalusan pada setiap peringkat.

4.6. Perbincangan Dapatan Fasa III: Fasa Penilaian

Dapatan daripada tinjauan yang dijalankan mendapati nilai purata keseluruhan keberkesanan model berdasarkan buku teks yang dibina ini memperoleh nilai min yang tinggi bagi setiap aspek yang dinilai. Menerusi soal selidik guru dan pelajar itu, empat kriteria utama dilihat menjadi faktor-faktor utama yang menjadikan buku teks itu mencapai tahap keberkesanan dan kebolegunaan yang tinggi.

4.6.1. Kepuasan Pengguna

Bagi kedua-dua guru dan pelajar, aspek fizikal dan persembahan buku teks menjadi daya tarikan utama. Buku teks seharusnya menarik bagi pelajar dan dapat menimbulkan keterujaan mereka untuk menggunakan buku tersebut (Tomlinson, 2013). Ini termasuk penggunaan warna, ilustrasi dan gambar yang disertakan di dalam buku itu.

4.6.2. Kemudahan Penggunaan

Pelajar mendapati bahawa buku teks yang digunakan menggunakan fon yang menarik dan memudahkan mereka untuk membaca arahan dan teks. Pelajar juga berupaya melakukan aktiviti dan latihan yang disediakan di dalam buku teks. Guru juga menyatakan aspek kemudahan penggunaan buku tersebut mengambil kira kesesuaian teks yang digunakan dengan usia pelajar. Buku teks harus membuat pelajar rasa mudah untuk menggunakannya dan dapat mengaitkannya dengan budaya mereka (Tomlinson, 2011).

4.6.3. Kerelevanan Kandungan

Selain itu, kandungan buku teks yang relevan dan berkaitan dengan pengalaman dan konteks serta kesesuaian topik dengan keperluan pelajar masa kini menjadikan sesebuah buku teks itu bermutu. Perkara yang diajarkan kepada pengguna atau pelajar haruslah sesuatu yang relevan dan berguna (Tomlinson, 2011), serta harus mengambil kira konteks tempatan dalam pengajaran dan pembelajaran (Seoane & Rodríguez, 2014).

4.6.4. Bahasa

Guru menilai keberkesanan bahasa yang digunakan di dalam buku teks berdasarkan kesesuaian bahasa yang digunakan mengikut peringkat dan usia pelajar. Selain itu, kosa kata yang digunakan bukan sahaja mudah tetapi dapat dikaitkan dengan pengalaman pelajar dan membenarkan mereka untuk menggunakan kosa kata itu dalam konteks kehidupan harian mereka. Bahasa yang digunakan di dalam buku teks mempengaruhi pembinaan pengetahuan pelajar (Behnke, 2018).

Temu bual pengkaji dengan 11 orang pakar peserta kajian pula merumuskan tiga sebab utama yang menyatakan bahawa model itu membantu untuk membina buku teks yang bermutu: (1) kerelevanan kandungan buku teks dengan keperluan dan pengalaman pelajar, (2) keupayaan buku teks itu membina kemahiran asas pelajar; dan (3) keupayaan buku teks itu untuk merangsang minat pelajar. Memandangkan perkara-perkara ini ditekankan oleh pakar dalam temu bual, maka tidak dapat disangkal lagi bahawa faktor-faktor ini merupakan deskriptor utama yang menentukan keberkesanan sesebuah buku teks itu bagi penggunaannya. Aspek kerelevanan ini merupakan satu faktor penentu dalam penilaian buku teks (Mahmud, 2010; Tomlinson, 2013). Faktor fizikal seperti ilustrasi, warna dan reka letak buku teks juga memainkan peranan penting untuk menarik minat pelajar. Ilustrasi buku teks adalah penting untuk mendorong para guru dan pelajar menggunakan buku tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran (Zakaria & Janan, 2022).

Selain itu, para peserta kajian mengutarakan faktor (4) keupayaan buku teks itu untuk membina kemahiran dan pengetahuan asas pelajar. Dalam sistem pendidikan di Singapura, walaupun ramai kanak-kanak sudah mempelajari Bahasa Melayu pada peringkat prasekolah, namun ini tidak menjamin bahawa mereka sudah mempunyai asas yang kukuh dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, kurikulum Bahasa Melayu dibina dengan tujuan untuk membina kemahiran dan pengetahuan asas kepada pelajar-pelajar pada peringkat darjah bawah.

Bagi menilai kebolegunaan model itu pula, para peserta kajian memberikan respons berdasarkan empat aspek dan antaranya ialah yang berikut: (1) proses yang tuntas dan berstruktur dan (2) proses yang mudah diikuti. Buku teks yang dibina secara teratur dan berprinsip akan dapat menghasilkan bahan yang kreatif dan bermutu, yang dapat memenuhi keperluan pengguna – guru dan pelajar (Tomlinson, 2013). Prosedur atau langkah-langkah untuk membina buku teks dan bahan pengajaran secara am seharusnya sesuatu yang mudah untuk digunakan sama ada oleh guru atau pembina bahan (Jolly & Bolitho, 2011).

Para peserta kajian bersetuju bahawa model yang dibangunkan itu mempunyai (3) proses mengambil kira maklum balas berterusan daripada pelbagai pihak dan (4) proses memastikan penghalusan pada setiap peringkat. Aspek maklum balas yang berterusan ini sememangnya penting dalam apa-apa sahaja model atau modul yang dibangunkan bagi tujuan peningkatan pengajaran dan pembelajaran. Proses dalam pembinaan buku teks tidak harus berbentuk linear dan perlu ada aspek maklum berterusan agar proses itu menjadi lebih dinamik dan boleh diubah suai sewajarnya (Jolly & Bolitho, 2011). Kedua-dua pengkaji itu juga mencadangkan agar sesuatu proses pembinaan buku teks itu disertakan dengan pelbagai laluan dan gelung maklum balas atau *feedback loops*. Maklum balas yang disertakan dalam proses itu bukan sahaja perlu didapatkan daripada guru dan pelajar, malah daripada pembangun dan pakar kurikulum, dan pihak berkepentingan yang mungkin mempunyai minat dalam bahan tersebut (Duriya, 2013).

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa buku teks yang dibina dapat memenuhi keperluan pelajar dan meningkatkan pembelajaran mereka. Malah, guru juga berpendapat bahawa buku teks itu membantu mereka menjalankan pengajaran dengan berjaya bagi mencapai hasil pembelajaran yang diperlukan. Hal ini dikukuhkan dengan pandangan pakar tentang kebolegunaan model yang dibangunkan. Oleh itu, dapat

dinyatakan bahawa model proses pembinaan buku teks yang dibangunkan oleh pengkaji mencapai tahap keberkesanan dan kebolehgunaan yang tinggi dalam kalangan pengguna.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (RIMCUPSI). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada peserta kajian yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.

Rujukan

- Amrani, F. (2011). Macro- and micro-evaluation of task-based teaching. In B. Tomlinson (Ed.), *Materials development in language teaching* (2nd ed., pp. 267–300). Cambridge University Press.
- Behnke, Y. (2018). Textbook effects and efficacy. In E. Fuchs & A. Bock (Eds.), *The Palgrave handbook of textbook studies*. Palgrave Macmillan.
- Cheng, X., & Zhang, L. (2022). Aligning curriculum design with educational standards: Challenges and strategies. *Journal of Curriculum Studies*, 54(3), 349–367.
- Dahlia Janan, Mohd Hafiz Mohamad Tarmizi, Punaji Setyosari, Norliza Jamaluddin, Siti Saniah Abu Bakar & Lin C. Y. (2024). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 21(1), 1-38. <https://doi.org/10.32890/mjli2024.21.1.1>
- Dick, W., Carey, L., & Carey, J. O. (2015). *The systematic design of instruction* (8th ed.). Pearson.
- Duriya, A. (2013). Publishing a coursebook: The role of feedback. In B. Tomlinson (Ed.), *Developing materials for language teaching* (2nd ed., pp. 63–84). Bloomsbury Publishing Plc.
- Ellis, R. (2011). The process of evaluation: A publisher's view. In B. Tomlinson (Ed.), *Materials development in teaching language* (2nd ed., pp. 212–233). Cambridge University Press.
- Fullan, M. (2000). The return of large-scale reform. *Journal of Educational Change*, 1, 5–27.

- Hariyadi, A., & Yanti, D. R. (2019). The importance of needs analysis in materials development. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*, 4(2).
- Ja'apar, F. (2017). *Bahan bantu mengajar (BBM) untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian* [Unpublished manuscript]. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jolly, D., & Bolitho, R. (2011). A framework for materials writing. In B. Tomlinson (Ed.), *Materials development in language teaching* (2nd ed., pp. 90–115). Cambridge University Press.
- Kapur, R. (2019). *Development of teaching-learning materials*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/334083571_Development_of_Teaching-Learning_Materials
- Kartini, R., Ali, A. H., & Kata, N. (2021). Unsur sastera Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah melahirkan murid berfikiran kritis. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3, 540–550.
- Khalil, M., & Al-Shammari, M. K. D. T. (2021). The role of instructional design models in promoting effective learning: A systematic review. *Education and Information Technologies*, 26(5), 6195–6215
- Knight, B. A., & Wang, S. (2015). Teachers' use of textbooks in the digital age. *Cogent Education*, 2(1). <https://doi.org/10.1080/2331186X.2015.1015812>
- Lestari, D. (2023). Application of the ADDIE Model in Designing Digital Teaching Materials. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran Guru Sekolah Dasar (JPPGuseda)*, 6, 105-109.
- Mahmoud, M. (2013). Developing an English language textbook evaluative checklist. *IOSR Journal of Research & Method in Education*, 1(3), 55–70. <https://doi.org/10.9790/7388-0135570>
- Mahmud, K. (2010). E-learning for tertiary level education in least developed countries: Implementation obstacles and way outs for Bangladesh. *International Journal of Computer Theory and Engineering*, 2(1), 150-155.
- Mithans, M., & Grmek, M. (2020). The use of textbooks in the teaching-learning process. In *New horizons in subject-specific education: Research aspects of subject-specific didactics* (pp. 201–228). University of Ljubljana Press. <https://doi.org/10.18690/978-961-286-358-6.10>
- Morgan, K. E. (2014). Decoding the visual grammar of selected South African history textbooks. *Journal of Educational Media, Memory, and Society*, 6(1), 59–78.
- Nakayama, S. (2022). Vocabulary in Japanese EFL textbooks: A bidirectional coverage analysis. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 15, 157–169. <https://doi.org/10.22492/issn.2189-1036.2022.15>
- Read, T. (2015). *Where have all the textbooks gone? Toward sustainable provision of teaching and learning materials in Sub-Saharan Africa*. World Bank.
- Reigeluth, C. M., & Carr-Chellman, A. A. (Eds.). (2009). *Instructional-design theories and models: Volume III: Building a common knowledge base* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203872130>
- Richards, J. C. (1995). Easier said than done: An insider account of a textbook project. In A. C. Hidalgo, D. Hall, & G. M. Jacobs (Eds.), *Getting started: Materials writers on materials writing* (pp. 95–135). SEAMEO Regional Language Centre.
- Safonov, Y., Bazhenkov, I., & Zaiets, S. (2023). Publishing school textbooks: International policy and practical scenarios. *Baltic Journal of Economic Studies*, 9(2), 172–180. <https://doi.org/10.30525/2256-0742/2023-9-2-172-180>
- Seoane, C. D. A., & Rodríguez, J. R. (2014). Characteristics and properties of the didactic materials developed by local governments. *IARTEM e-Journal*, 3(2), 23–41.

- Tickoo, M. L. (1995). Materials for a state-level system: A retrospective record. In A. C. Hidalgo, D. Hall, & G. M. Jacobs (Eds.), *Getting Started: Materials Writers on Materials Writing*. Singapore: SEAMEO Regional Language Centre.
- Tomlinson, B. (Ed.). (2011). *Materials development in language teaching* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Tomlinson, B. (2012). Materials development for language learning and teaching. *Language Teaching*, 45, 143–179. <https://doi.org/10.1017/S0261444811000528>
- Tomlinson, B. (Ed.). (2013). *Developing materials for language teaching* (2nd ed.). Bloomsbury Publishing.
- Tomlinson, B., & Masuhara, H. (Eds.). (2010). *Research for materials development in language learning*. Bloomsbury Publishing.
- Villamin, A. M. (1988). Multi-level skills and values-oriented reading materials for K-10. *Paper presented at the regional seminar on materials for language learning and teaching: New trends and developments*.
- Widyastuti, E., & Susiana. (2019). Using the ADDIE model to develop learning material for actuarial mathematics. *Journal of Physics: Conference Series*, 1188, 012052. doi:10.1088/1742-6596/1188/1/012052
- Yusof, Z., Shaari, M. R., & Ayob, A. (2020). Amalan pemilihan tatabahasa pedagogi berkonteks oleh guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3(9), 36–43.
- Zakaria, M. M., & Janan, D. (2022). Penggunaan buku teks dan penerimaan ilustrasi dalam kalangan guru dan murid: Pendekatan kualitatif dan kuantitatif. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 12(1), 80–98. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol12.1.6.2022>